KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

TAKLIMAT GARIS PANDUAN DANA KELESTARIAN PENYELIDIKAN JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

GERAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI DAN TRANSFORMATIF (GET)

DISAMPAIKAN OLEH ENCIK AZLAN BIN ABDUL SAMAT
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT (BKPI)
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI (JPT)

26 FEBRUARI 2026

Objektif Utama Dana Penyelidikan

Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan sebagai faktor pendorong ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Ilmu Baharu Beracuan Malaysia

Menjana ilmu baharu yang unik kepada konteks tempatan.

Transformasi Sistem

Menambah baik proses sedia ada ke arah yang lebih baik.

Peningkatan Intelektual

Menyumbang kepada ketinggian tahap pemikiran masyarakat.

Tujuan penyelidikan eksploratori vs transformatif

Penyelidikan Eksploratori

MEMAHAMI

Langkah awal dalam meneroka ilmu baharu bagi memahami sesuatu masalah atau fenomena yang kurang jelas.

Penyelidikan Transformatif

MENGUBAH

Penyelidikan yang mencipta perubahan radikal terhadap polisi, SOP, proses, atau sistem sedia ada.

PERBANDINGAN PENYELIDIKAN: EKSPLORATORI vs TRANSFORMATIF

Menjelaskan perbezaan fundamental antara penyelidikan eksploratori dan transformatif untuk membantu penyelidik menentukan hala tuju dan impak kajian mereka.

Penyelidikan Eksploratori
(Penerokaan Ilmu)

Langkah Awal Penerokaan Fenomena
Memahami masalah yang kurang jelas melalui penerokaan teori dan kerangka inovatif.

TRL 1-2

Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) 1-2
Fokus kepada penyelidikan asas dan penjanaan hipotesis awal.

Sifat Fleksibel dan Terbuka
Menjawab persoalan "apa", "bagaimana", dan "mengapa" untuk merapatkan jurang pengetahuan.

Hasil Utama (Output)

- Hipotesis
- Kajian Baharu
- Pemahaman Asas
- Kerangka Konsep

Penyelidikan Transformatif
(Pemangkin Perubahan)

Pencetus Perubahan Radikal
Mencipta transformasi besar terhadap polisi, SOP, proses, atau sistem sedia ada.

TRL 2-3

Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) 2-3
Melibatkan pembuktian konsep (*Proof of Concept*) dan pemerkasaan polisi.

Berorientasikan Impak dan Hasil
Menjawab bagaimana cara "mengubah" dan "mengukur" impak penambahbaikan sesuatu keadaan.

Impak

Hasil Utama (Output)

- Inovasi Radikal
- Pembuktian Konsep
- Perubahan/ Pemerkasaan Polisi

TUJUAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI & TRANSFORMATIF

Pemerkasaan Bakat & Daya Saing

Pembangunan Bakat Penyelidik

Memperkasakan ilmu dan kesarjanaan penyelidikan mengikut bidang kepakaran khusus penyelidik.

Daya Saing Global

Meningkatkan prestasi penyelidikan agar mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Impak Strategik & Pementoran

Jurang Pengkomersialan

Merapatkan hubungan antara penemuan penyelidikan dengan potensi pasaran dan aplikasi industri.

Integrasi Pementoran

Menerapkan kaedah pementoran sebagai elemen wajib dalam pelaksanaan setiap projek penyelidikan.

BIDANG KEUTAMAAN PENYELIDIKAN

BIDANG PENYELIDIKAN

7 Bidang Penyelidikan

Penyelidikan mestilah memenuhi salah satu (1) daripada bidang berikut:

- **Teknologi dan Kejuruteraan** *(Technology and Engineering)*
- **Teknologi Maklumat dan Komunikasi** *(Information and Communication Technology)*
- **Sains Kesihatan dan Klinikal** *(Clinical and Health Sciences)*
- **Sains Tulen dan Gunaan** *(Pure and Applied Sciences)*
- **Sastera dan Sastera Ikhtisas** *(Arts and Applied Arts)*
- **Sains Sosial** *(Social Sciences)*
- **Warisan dan Alam Sekitar** *(Environment and Heritage)*

Trend Mega RMK13

Penyelidikan yang merangkumi isu-isu penyelesaian di bawah skop berikut:

4 Trend Mega

1. **Perubahan Susunan Blok Ekonomi** *(Changes in the Structure of Economic Blocs)*
2. **Perubahan Teknologi dan Digital Masa Hadapan** *(Changes in Future Technology and Digital)*
3. **Perubahan Demografi dan Kualiti Hidup** *(Shifts in Demography and Quality of Life)*
4. **Krisis Kesihatan Bumi** *(Planetary Health Crisis)*

3 Bidang Tambahan

- **Pendidikan** *(Education)*
- **Keselamatan Negara** *(National Security)*
- **Warisan dan Kearifan Tempatan** *(Heritage and Local Knowledge)*

- 17 Anjakan Besar Ekonomi MADANI
- Rangka Kerja 10-10 MySTIE
- Bidang BITARA & Kluster Penyelidikan
- Penjajaran Global Melalui SDG

Penjajaran RPTM

2026 → 2035

Setiap permohonan mestilah sejajar dengan visi dan misi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026 - 2035.

Pemilik Kepentingan (*Stakeholder*)

Ketua projek hendaklah mengenal pasti dan memilih kementerian yang berkaitan projek yang ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya).

PERATURAN PERMOHONAN



Struktur ini bertujuan memastikan pengurusan dana & pelaksanaan projek penyelidikan berjalan lancar

SYARAT PERMOHONAN

KUMPULAN PENYELIDIKAN

Ketua Projek

	Kewarganegaraan: Warganegara Malaysia & Bukan Warganegara Malaysia
	Jawatan: Kakitangan akademik aktif berjawatan Tetap atau Kontrak
	Kategori Pemohon: Pensyarah/ Pensyarah Kanan/ Profesor Madya/ Profesor
	Tempoh Perkhidmatan: Baki perkhidmatan sekurang-kurangnya 2 tahun di IPT tersebut

Pemohon mestilah bebas daripada sebarang isu integriti dan liabiliti undang-undang.

Tidak layak memohon:
Pemohon yang sedang atau merancang

- cuti belajar
- cuti sabatikal
- cuti tanpa gaji
- sangkutan industri
- pasca doktoral
- Dipinjamkan
- sangkutan akademik
- fellowship

dalam tempoh enam (6) bulan dan ke atas semasa pembukaan permohonan

- merancang berpindah ke organisasi lain
- digantung tugas

KUMPULAN PENYELIDIKAN

Komposisi Pasukan:
Maksimum 5 orang penyelidik bersama.

Syarat **'Next Appointed Leader'**:
- Warganegara Malaysia
- Berjawatan Tetap
- Bidang kepakaran sama
- Institusi sama

***mentor perlu dilantik bagi pemohon kategori Profesor Madya dan ke bawah**

KUMPULAN PENYELIDIKAN

Keperluan Mentor

MENTOR

Gred Khas C (atau setara) ke atas.

↓

PEMOHON / KETUA PROJEK
(Pensyarah, Pensyarah Kanan atau Profesor Madya)

Seorang mentor hendaklah dikenal pasti dan dilantik untuk membimbing pelaksanaan projek.

Lokasi Mentor: Boleh dari universiti pemohon atau universiti luar.

Bidang: Mesti dalam kepakaran yang sama.

SYARAT PERMOHONAN (WAJIB)

Kolaborasi

Syarat Wajib: Kolaborasi dengan industri atau agensi tempatan.

Dokumentasi: Peranan dan sumbangan mesti dinyatakan jelas dalam surat atau dokumen rasmi.

Carian Paten (Patent Search)

Wajib bagi projek kategori Eksploratori dan Transformatif. Bukti carian paten mesti dikemukakan.

Pengurusan Risiko (Risk Assessment)

Wajib bagi SETIAP permohonan. Perancangan pengurusan risiko yang komprehensif mesti disertakan.

Senarai Semak Kelayakan

PEMOHON	Warganegara Malaysia & Bukan Warganegara Malaysia, berjawatan tetap/ kontrak dan baki perkhidmatan > 2 tahun
PASUKAN	Maksimum 5 orang termasuk *Next Appointed Leader* (warganegara Malaysia berjawatan tetap) dan seorang Mentor Gred Khas C dan ke atas (kategori pemohon: Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya)
STATUS	Tidak bercuti > 6 bulan, tiada tindakan tatatertib/ bankrap/ hutang tinggi/ rekod jenayah
TEKNIKAL	Wajib: Kolaborasi industri/ agensi, carian paten, analisis risiko
REKOD	Geran terdahulu 100% selesai dan disahkan oleh RMC. Tidak layak jika pernah menerima geran PRGS untuk pembangunan prototaip/ inovasi yang sama.

PANDUAN PERMOHONAN

- **Siling Permohonan**
  RM250,000
  Tidak boleh melebihi had maksimum

- **Had maksimum permohonan**
  1 permohonan setiap fasa

- **Pertindihan Projek**
  Geran PRGS untuk pembangunan prototaip/ inovasi yang sama
  Tidak dibenarkan memohon GET

- **Tempoh Penyelidikan**
  2 atau 3 tahun

- **Had bilangan mengetuai projek**
  3 projek GET/setara sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan



- **Patuhi Kod Etika MCRCR**
  Penyelidik wajib mematuhi *Malaysia Code of Responsible Conduct in Research*

HASIL PENYELIDIKAN

Hasil penyelidikan hendaklah berkaitan dengan objektif penyelidikan.

OUTPUT

Harta Intelek:
Wajib 1 pemfailan
(keutamaan paten)
Penerbitan:
Jurnal terindeks &
penghargaan geran
Bakat:
Pascasiswazah
(mod penyelidikan,
pengajian sepenuh masa)
Penghasilan Ilmu:
Teori, model, atau
teknologi baharu
Impak Polisi:
Garis panduan atau
kertas putih
Penerima Manfaat:
Kerajaan, Industri, Komuniti,
NGO dan sebagainya

Pemfailan Harta Intelek (IP)

Syarat Wajib

Setiap projek diwajibkan memfailkan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek.

Keutamaan

Paten

Penerbitan Berimpak Tinggi

Setiap projek amatlah digalakkan menghasilkan **penerbitan** artikel dalam jurnal terindeks yang berkaitan dengan bidang.

Klausa Wajib dalam Penerbitan

Setiap penerbitan MESTI menyatakan Penghargaan kepada geran GET, JPT.

Bakat

Kriteria Calon

- **Taraf:** Warganegara Malaysia (Keutamaan)
- **Tahap Pengajian:** Pelajar Pascasiswazah (PhD atau Master)
- **Mod Pengajian:** Sepenuh Masa (Penyelidikan)
- **Relevansi:** Skop kajian mestilah bersesuaian dengan projek penyelidikan

PENERANGAN OUTPUT

Penghasilan Ilmu & Teknologi Baharu

Ilmu Baharu | Teori Baharu | Model Baharu | Proses Baharu | Teknologi Baharu

Saluran Pembentangan & Bukti

- Dibentangkan dalam persidangan
- Diterbitkan dalam jurnal terindeks
- Pemfailan harta intelek

Jaringan Penerima Manfaat

Hasil penyelidikan perlu memberi impak langsung kepada pihak berkepentingan di luar komuniti akademik.

Impak Kepada Polisi & Dasar

Penyelidikan mesti diterjemahkan kepada dokumen yang boleh digunapakai oleh pembuat dasar.

PULANGAN NILAI

Keseimbangan Antara Pelaburan dan Hasil



Setiap projek perlu menghasilkan Pulangan Nilai (Return of Value - ROV) yang berpadanan dengan nilai projek yang diperolehi.

PULANGAN NILAI (ROV)

Setiap projek perlu menghasilkan Pulangan Nilai (Return of Value (ROV)) yang berpadanan dengan nilai projek yang diperolehi merujuk kepada output berikut.

- **(a) Pendaftaran Harta Intelek**
- **(b) Penerbitan**
- **(c) Bakat**
- **(d) Perubahan pada Kumpulan Sasar**

"Kejayaan projek bukan diukur pada bila ia selesai, tetapi pada nilai yang ia pulangkan."

PENILAIAN PERMOHONAN

PENILAIAN PERINGKAT IPT

Lantikan Panel Penilai

Lantikan Penilai

RMC perlu melantik panel penilai dalaman yang menepati kriteria JPT.

Kelayakan

Mestilah pakar dalam bidang serta berpangkat Profesor Madya atau Profesor.

Bilangan Penilai

Sekurang-kurangnya dua (2) orang panel bagi setiap kertas cadangan penyelidikan.

Penilaian Dalaman

Bagi memastikan saringan kualiti yang ketat & mengikut syarat permohonan sebelum penghantaran ke peringkat JPT

Penilaian Dalaman

Panel penilai menilai kertas cadangan penyelidikan mengikut bidang kepakaran dan memberikan ulasan terperinci dan profesional

Keputusan

Keputusan & Klasifikasi

Penentuan status permohonan

PROSES PENILAIAN



Penilaian Semula

Cadangan dinilai semula selepas pembetulan.

Keperluan Pembetulan?

Penyelidik perlu tambah baik kertas cadangan.

RMC hanya mengemukakan kertas cadangan penyelidikan yang diperaku dengan status di atas.

Permohonan tanpa status perakuan ini tidak akan diproses ke peringkat JPT.

Senarai Semak

- [ ] **Relevansi:** Topik menyumbang kepada Agenda Strategik Negara.
- [ ] **Kategori:** Jelas sama ada Eksploratori (Baharu) atau Transformatif (Tambah Baik).
- [ ] **Semakan Pakar:** Dinilai oleh sekurang-kurangnya 2 panel (Profesor / Profesor Madya).
- [ ] **Kualiti:** Telah ditambah baik dan dinilai semula (jika perlu).
- [ ] **Status:** Mendapat perakuan "Highly Recommended" atau "Recommended" dari panel penilai IPT.

1. **Permohonan**

2. Penilaian Peringkat IPT

3. Penilaian Peringkat JPT

Keputusan muktamad di peringkat JPT

ALIRAN PROSES PENILAIAN

RINGKASAN PEMARKAHAN KESELURUHAN

Kriteria	Pemberat %	Fokus Kritikal
Tajuk dan Kata Kunci	5%	5 kata kunci berimpak
Ringkasan Eksekutif	10%	Intipati berani & radikal
Latar Belakang Penyelidikan	15%	Penjajaran dasar dan sitasi terkini
Objektif	10%	Boleh diukur dan selaras polisi
Metodologi	20%	Carian paten & risiko kuantitatif
Hasil Jangkaan	20%	ROV, IP (Paten)
Sifat Kolaboratif Pasukan	10%	Rakan strategik
Rakan Industri	10%	Bukti dokumen (LOI/MoU/MoA)

KOD PERBELANJAAN

Rujukan Kod Perbelanjaan dan Peraturan Pematuhan

KOD PERBELANJAAN

Vot 11000: Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) / Pembantu Penyelidik (RA)

Bayaran elaun GRA atau RA. Pelantikan serentak tidak dibenarkan.

Vot 21000: Perjalanan, Pengangkutan & Sara Hidup

20%

Semua perjalanan dan pengangkutan domestik, menghadiri persidangan berkaitan projek penyelidikan.

Vot 24000: Sewaan

Sewa peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek penyelidikan. Sewaan tidak termasuk langganan perisian.

Vot 27000: Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Peruntukan untuk pembelian bekalan/ bahan penyelidikan/ makmal berkaitan projek penyelidikan.

Vot 29000: Perkhidmatan Ikhtisas

Bayaran bagi khidmat professional, enumerator, honorarium, yuran penerbitan, yuran persidangan, langganan perisian, percetakan, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan berkaitan projek penyelidikan.

Vot 35000: Aksesori dan Peralatan

30%

Pembelian peralatan khas, aksesori dan perisian yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Vot 28000: Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil

Kos penyelenggaraan bagi peralatan sedia ada, baik pulih, pembaikan kecil yang berkaitan projek penyelidikan.

PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN



KITARAN PROSES PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Permohonan dan Penilaian Dua Peringkat

Penilaian peringkat IPT dan Penilaian Peringkat JPT

Kelulusan dan Penyaluran Dana

Dana penyelidikan disalurkan setelah pemakluman keputusan rasmi dari JPT. Peruntukan akan disalurkan kepada Bendahari IPT.

Perjanjian dan Pelaksanaan Projek

Menandatangani dokumen perjanjian dan pelaksanaan projek.

- Dokumen Perjanjian (IPT)
- Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan (Penyelidik)
- Dokumen tambahan (industri/ agensi/ kolaborator, dsb)

Pemantauan Sehingga Projek Selesai

Projek dipantau secara berkala sehingga projek tamat.

Pemantauan Berjadual
Pemantauan Tidak Berjadual / Lawatan Tapak

Baki peruntukan perlu dilaporkan setiap tahun (data sehingga 31 Disember)

Jawatankuasa Penyelidikan Universiti/ Institusi (JKPU).

GARIS MASA PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB

PRA-PROJEK

- Ketua Projek: Permohonan
- Panel Penilai: Penilaian
- RMC: Semakan
- TNCPI/JKPU: Kelulusan

PELAKSANAAN

- Ketua Projek: Laporan Kemajuan
- Mentor: Bimbingan
- Industri: Sumbangan dana/ in-kind/ kepakaran/validasi
- RMC: Pemantauan Prestasi, Kewangan & Output
- JKPU: Pemantauan keseluruhan & perakuan permohonan* (rujuk slaid kelulusan peringkat JKPU)

PASCA-PROJEK (3 Tahun)

- Ketua Projek: Laporan ROV
- RMC & JKPU: Pemantauan ROV dan Pelaporan kepada JPT

Prosedur Pindaan dan Variasi Projek Penyelidikan

Permohonan pindaan terhadap butiran atau penggunaan peruntukan yang tidak dinyatakan dalam kertas penyelidikan mestilah disemak oleh RMC sebelum mendapat kelulusan JKPU.

Jenis Pindaan

Pindaan Prestasi & Tempoh

Merangkumi perubahan KPI penyelidikan dan permohonan pelanjutan tempoh masa projek.

Variasi Kewangan & Aset

Melibatkan pindah peruntukan antara vot, penambahan butiran baharu, atau pindaan peralatan.

Perubahan Keahlian Pasukan

Pertukaran Ketua Projek atau ahli pasukan memerlukan kelulusan RMC atau JKPU jika berkenaan

Proses Semakan & Kelulusan

Semakan RMC

Semua permohonan pindaan wajib dikemukakan kepada RMC untuk semakan teknikal awal.

Keputusan JKPU

Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) memegang kuasa akhir untuk mempertimbang dan meluluskan pindaan.

PERANAN

PERANAN

Kepimpinan Strategik: Timbalan Naib Canselor (TNCPI)

Bertanggungjawab terhadap pelaksanaan keseluruhan projek GET di setiap peringkat melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

Akauntabiliti kepada JPT

Melaporkan dan membentangkan prestasi projek serta hasil penyelidikan GET secara berkala kepada JPT.

Penyeliaan RMC

Memastikan RMC melaksanakan pemantauan yang berkesan.

PERANAN

Kepimpinan Strategik: Jawatankuasa Penyelidikan Universiti Universiti (JKPU)

Memantau keberkesanan strategi dan memperakukan hasil penyelidikan.

1. Pemantauan Strategi:
Memantau prestasi dan keberkesanan perancangan serta pelaksanaan penyelidikan.

2. Kelulusan & Pengesahan:
Meneliti permohonan, memperakukan laporan akhir, dan mengesahkan bahawa hasil penyelidikan menepati objektif asal.

3. Mandat ROV (3 Tahun):
Menyelaras dan memantau pencapaian output/ROV selama tiga (3) tahun selepas projek tamat.

4. Kisah Kejayaan (Success Story):
Mengemukakan video impak penyelidikan yang signifikan untuk diketengahkan sebagai kisah kejayaan projek GET.

PERANAN

Kecemerlangan Operasi: Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) — Pematuhan & Etika

Etika & Integriti

- Memastikan permohonan dan pelaksanaan mematuhi tahap etika tinggi.
- Tindakan tegas terhadap isu plagiarisme dan pelanggaran integriti.
- Memastikan pelaksanaan mengikut garis panduan tadbir urus yang ditetapkan.

Kewangan & Prestasi

- Memastikan prestasi kewangan dan kemajuan projek memuaskan berdasarkan carta perbatuan.
- Memberi cadangan kelangsungan projek berdasarkan prestasi semasa.

Pemantauan & Pelaporan

Tamat Projek

3 Tahun Pasca-Projek

Penilaian Berterusan:

- Memantau dan menilai prestasi projek secara berkala.

Pelaporan Pusat:

- Menyediakan laporan prestasi keseluruhan geran GET kepada JPT.

Lawatan Tapak:

- Menguruskan lawatan ke lokasi projek (walaupun projek telah selesai) jika diperlukan oleh JPT.

Fasa Pasca-Projek

- Memantau pencapaian output/ROV setiap projek dalam tempoh tiga (3) tahun selepas projek tamat.

PERANAN

Kecemerlangan Operasi: Panel Penilai Dalaman

Menilai permohonan dan laporan dengan telus dan profesional.

- **Penilaian:** Menilai dan memperakukan permohonan serta laporan akhir dalam tempoh ditetapkan.
- **Maklum Balas Konstruktif:** Wajib memaklumkan justifikasi terperinci bagi permohonan yang gagal untuk tujuan penambahbaikan.

- **Penambahbaikan Proses:** Memberi cadangan kepada RMC untuk meningkatkan proses penilaian.
- **Kerahsiaan:** Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan di bawah Akta Kerahsiaan.

PERANAN

Pelaksana Utama: Ketua Projek — Pengurusan & Tanggungjawab

Pematuhan Kertas Cadangan

Memastikan penyelidikan dijalankan secara beretika, cekap, dan memenuhi skop, objektif, serta carta perbatuan yang diluluskan.

Pengurusan Kewangan

Mematuhi belanjawan dan terma perjanjian antara universiti dengan penyelidik.

Kepimpinan Pasukan

Memastikan penglibatan aktif semua ahli kumpulan.

Pelaporan Berkala

Mengemukakan laporan kemajuan dan prestasi kewangan mengikut ketetapan.

Ketua Projek: Kewajipan ROV & Implikasi Masa Masa Depan



Mandat Pelaporan

- **Pelaporan Pasca-Projek**: Bertanggungjawab mengemukakan maklumat pencapaian terkini kepada RMC/JPT walaupun selepas tamat tempoh pelaksanaan projek.
- **Objektif**: Memenuhi keperluan pelaporan Research Outcome Value (ROV).

IMPLIKASI

Kegagalan mencapai tahap ROV yang ditetapkan akan memberi kesan kepada permohonan geran penyelidikan yang akan datang.

PERANAN

Rakan Kolaborasi: Peranan Mentor

Membimbing dan menghubungkan penyelidik dengan peluang kolaborasi.

Jalinan Kerjasama

Memperkenalkan potensi kolaborator yang mempunyai kepakaran sama kepada pemohon.

Dokumentasi Wajib

Surat Niat (Letter of Intent), MoU, atau MoA mesti disertakan bersama serahan hasil penyelidikan.

Sesi Berkala

Sesi pertemuan bersama mentor perlu diadakan.

Bukti Pertemuan

Bukti sesi pertemuan mesti disertakan bersama serahan hasil penyelidikan.

PERANAN

Rakan Strategik: Industri & Agensi

1. Penyediaan Sumber

Data, tapak kajian, kepakaran teknikal, teknologi, atau kemudahan khusus.

2. Komitmen 'In-Kind'

Perkhidmatan penyumberluaran (outsource), sumbangan dana, tenaga pakar, atau sokongan logistik.

3. Penyelesaian Masalah

Membantu penambahbaikan atau pengembangan produk.

4. Validasi

Menguji, mengesahkan, dan mengadaptasi dapatan penyelidikan dalam operasi sebenar atau pembentukan dasar.

Kunci Kejayaan Geran GET

Integriti Tanpa Kompromi

Pematuhan etika dan penggunaan dana yang telus adalah asas utama (RMC/TNCPI).

Kolaborasi Aktif

Penglibatan Mentor dan Industri bukan sekadar syarat, tetapi pemangkin inovasi dan validasi produk.

Fokus Jangka Panjang (ROV)

Kejayaan projek bukan dilihat pada status laporan akhir, tetapi pada impak yang dapat diukur selama tiga tahun seterusnya.

KAWALAN DAN PENALTI

KAWALAN DAN PENALTI

Kawalan & Pemantauan

- Penilaian berdasarkan objektif, output dan prestasi kewangan.
- Tempoh pemerhatian 3 bulan bagi projek bermasalah.

Penalti & Hukuman

- Sekatan perbelanjaan bagi kegagalan penghantaran laporan.
- Senarai hitam sehingga 2 tahun bagi kegagalan capai output.
- Liabiliti kewangan peribadi bagi perbelanjaan selepas projek tamat.

Penamatan Projek

- Penamatan awal bagi pertindihan dana, penyelidikan yang sama, penarikan diri, penyelidikan bermasalah/gagal, atau tiada perbelanjaan selepas setahun projek mula.

Maklumat terperinci bagi setiap tindakan/ penalti hendaklah dirujuk dalam dokumen garis panduan dan tadbir urus yang berkuatkuasa.

KAWALAN DAN PENALTI

Identifikasi Projek Bermasalah & Tempoh Pemerhatian

Identifikasi Masalah

Projek Lewat Jadual dikenal pasti

TEMPOH PEMERHATIAN

3 BULAN

Prestasi Memuaskan

Projek Diteruskan

Gagal Diselesaikan

Projek Ditamatkan

Fokus utama adalah memulihkan prestasi dalam tempoh pemerhatian sebelum tindakan penamatan diambil.

KAWALAN DAN PENALTI

Prosedur Sebelum Penalti: Surat Tunjuk Sebab

Dikeluarkan oleh RMC

Surat amaran berfungsi sebagai peringatan rasmi terakhir sebelum sekatan atau senarai hitam dilaksanakan.

Ketua Projek	Penyelidik Bersama
2 TAHUN	**1 TAHUN**
Tempoh senarai hitam daripada memohon geran KPT.	Tempoh senarai hitam daripada memohon geran KPT.

RMC diwajibkan mengemukakan nama penyelidik yang dikenakan penalti kepada JPT setiap kali pembukaan geran.

KAWALAN DAN PENALTI

Impak Pelanggaran Terhadap Kerjaya Penyelidik



GERAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI DAN TRANFORMATIF

Tempoh Permohonan & Tarikh Akhir

1 Mac 2026

Tarikh rasmi pembukaan permohonan geran GET 2026 bermula.

15 April 2026

Tarikh akhir bagi penerimaan semua permohonan penyelidikan.

Prosedur Penghantaran

Sistem Pengurusan Penyelidikan

Semua permohonan mesti dihantar secara digital melalui sistem pengurusan yang ditetapkan.

Tarikh Akhir Penerimaan

Penghantaran selepas 15 April 2026 tidak akan dipertimbangkan oleh sistem.

Hubungi Seksyen Pengurusan Penyelidikan

untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan syarat dan peraturan permohonan.

get.bkpi@mohe.gov.my

03-88706975

https://jpt.mohe.gov.my/

SEKIAN TERIMA KASIH

LAMPIRAN / DOKUMEN RUJUKAN

TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK GET

Tarikh Mula

Tarikh mula projek seperti yang diluluskan oleh JPT

Tarikh Akhir

Tarikh projek berakhir mengikut surat tawaran JPT atau tarikh pelanjutan yang diluluskan (jika berkenaan)

Tempoh 6 bulan selepas Tarikh Akhir

Tarikh fail kewangan projek ditutup dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir.

Sebarang aktiviti penyelidikan tidak dibenarkan selepas tarikh akhir projek.

Semua komitmen bayaran hendaklah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh akhir (tiada perbelanjaan baharu).

Hanya perbelanjaan bagi bayaran yuran penerbitan jurnal (APC) dan pemfailan harta intelek dibenarkan dalam tempoh 6 bulan.

Pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Pemantauan KPT.

Laporan Akhir hendaklah diselesaikan dan dikemukakan kepada RMC & JPT.

Tarikh Tutup & Surat Penutupan Projek

Surat Penutupan Projek boleh dikeluarkan sekiranya memenuhi perkara berikut:

- Telah membentang laporan kepada JPT (sekiranya berkaitan)
- Telah menghantar Laporan Akhir
- Mencapai/ tidak mencapai KPI yang telah dijanjikan (JKPU/ JPT akan menentukan status projek)

Walaupun projek telah tamat dan ditutup, JPT berhak meminta apa-apa maklumat berkaitan projek dari semasa ke semasa seperti output dan ROV, mengadakan audit dan lawatan tapak, menjemput untuk mempamerkan maklumat projek atau apa-apa yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang telah diberikan.

Laporan output, ROV dilaporkan setiap tahun kepada JPT dalam tempoh 3 tahun selepas projek tutup.

KRITERIA PENILAIAN

BIL. / NO.	KRITERIA PENILAIAN / ASSESSMENT CRITERIA	
1	**Tajuk dan Kata Kunci / Title and Keywords * (5%)** *Tajuk penyelidikan yang jelas, spesifik dan mencerminkan fokus utama kajian, serta pemilihan LIMA (5) kata kunci paling berimpak yang mencerminkan keseluruhan projek penyelidikan / A clear and specific research title that reflects the main focus of the study, along with the selection of FIVE (5) most impactful words that reflect the whole research project	
	Bersifat khusus dan mencerminkan / Specific in nature reflecting	Penyelidikan Eksploratori / Exploratory Research
		Penyelidikan Transformatif / Transformative Research
2	**Ringkasan Eksekutif / Executive Summary* (10%)** *Abstrak projek tidak melebihi 300 patah perkataan yang menekankan terutamanya intipati projek yang berani dan radikal / An abstract of the project not more than 300 words highlighting especially the bold and radical essence of the project	
	Pernyataan masalah / Problem statement	
	Objektif / Objectives	
	Metodologi / Methodology	
	Jangkaan hasil/impak/implikasi / Expected output/outcome/implication	
	Bersifat berani dan radikal dari segi intipati / Bold and radical in essence	
3	**Latar Belakang Penyelidikan / Research Background* (15%)** *Penyataan Masalah, Hipotesis, Persoalan Penyelidikan, Kajian Literatur, Kerelevenan dengan Dasar Kerajaan / Problem Statement, Hypothesis, Research Questions, Literature Review, Relevance to Government Policy	
	Penghuraian tajuk kajian / Elaboration of title	
	Kejelasan Penyataan Masalah dan Soalan Kajian/Hipotesis/Kerangka Teori (sekiranya berkenaan) / Clarity of problem statement and research question/hypothesis/theoretical framework (if applicable)	
	Sitasi rujukan berkaitan yang terkini (dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan) / Cited most recent (last 5 years) related references	
	Sejajar dengan dasar kerajaan, keutamaan nasional dan aspirasi global serta berupaya memberi impak dalam menangani cabaran di peringkat tempatan, nasional dan global / In line with government policy, national agenda and global aspiration (can help alleviate problem at local, national or world level)	
	Tahap Kelengkapan Latar Belakang Projek / Completeness of project background	

KRITERIA PENILAIAN

BIL. / NO.	KRITERIA PENILAIAN / ASSESSMENT CRITERIA
4	**Objektif / Objectives* (10%)** *Tidak melebihi EMPAT (4) objektif dengan kejelasan dan hasil yang boleh diukur / Not more than FOUR (4) objectives with clarity and measurable outcome
	Kejelasan objektif / Clarity of objectives
	Selaras dengan dasar-dasar semasa dan relevan (Trend Mega, BITARA, MADANI, ESG, SDGs, MySTIE) / In-line with relevant and contemporary policies (Mega Trend, BITARA, MADANI, ESG, SDGs, MySTIE)
5	**Metodologi / Methodology* (20%)** *Huraian metodologi yang jelas dan terperinci (yang boleh merangkumi kerja lapangan, teknik persampelan, sesi temu bual, analisis data, kerja makmal mengikut fasa, protokol eksperimen serta analisis statistik), termasuk penilaian risiko yang boleh diukur secara kuantitatif, dan laporan carian paten ringkas (trend menaik/menurun, potensi penggunaan, kolaborator dan pesaing), contohnya melalui sumber seperti https://lens.org/. / Clear and detailed description of methodology (may consist of field work, sampling techniques, interview session, analysis, lab work of different phases, experimental protocol, statistical analysis) including quantifiable assesment of risk, and simplified patent search report (upward/downward trend/potential use/collaborator/competitor) from e.g. https://lens.org/
	Komprehensif / Comprehensive
	Merangkumi reka bentuk penyelidikan, carta alir, carta Gantt, aktiviti dan penanda aras / Include research design, flow chart, Gantt chart, activities and milestones
	Penilaian risiko / Risk Assessment
	Carian paten / Patent Search

KRITERIA PENILAIAN

BIL. / NO.	KRITERIA PENILAIAN / ASSESSMENT CRITERIA
6	**Hasil Jangkaan / Expected Results* (20%)** *Menyumbang kepada ilmu baharu atau mencetus perubahan berani, radikal dan menghasilkan anjakan besar / Contributes to new knowledge or catalyses bold, radical change, resulting in a significant paradigm shift
	Impak terhadap Trend Mega (Ekonomi, Digital, Kemanusiaan/ Kualiti Hidup, Kesihatan Bumi) / Impact on Mega Trends (Economic, Digital, Humanistic/ Quality of Life, Planetary Health)
	Harta Intelek (keutamaan kepada paten, jika tidak Inovasi Utiliti, Rekabentuk Industri, Penanda Geografi. Hak Cipta, Reka Bentuk Susun Atur, Rahsia Dagangan / Intellectual property (preferably Patent, otherwise Utility Innovation, Industrial Design, Geographical Indication, Copyright, Layout Design, Trade Secret
	Pulangan Nilai (ROV) / Return on Value (ROV)
	Hala tuju penyelidikan seterusnya / Future research direction
7	**Sifat Kolaboratif Pasukan / Collaborative Nature of Team* (10%)** *Wujud kerjasama strategik dengan rakan penyelidik atau komuniti tempatan, kebangsaan dan antarabangsa yang berupaya mengguna pakai hasil daripada penyelidikan yang dicadangkan / Establishes strategic collaboration with research partners or communities at the local, national, and international levels that are capable of adopting and applying the outcomes of the proposed research.
	Komuniti tempatan / Local community; atau
	Peringkat kebangsaan / National level; atau
	Peringkat antarabangsa / International level.
8	**Rakan Industri / Agensi / Industry/Agency Partner* (10%)** *Penglibatan khusus daripada pihak agensi/industri/badan berkanun dalam melaksanakan penyelidikan ini dengan bukti yang telah dimeterai/dimuktamadkan / Specific involvement of agencies, industry partners, or statutory bodies in the implementation of this research, supported by formally executed and finalised evidence.
	Komitmen dari segi sumbangan / Commitment in terms of contribution
	Surat Hasrat (LOI) / Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA) (berserta bukti) / Letter of Intent (LOI) / Memorandum of Understanding (MoU) / Memorandum of Agreement (MoA) (with evidence)

KOD PERBELANJAAN

VOT 11000

VOT 21000 (max 20%)

Vot 11000 - Elaun GRA atau RA

⚠ Satu kategori sahaja pada satu masa. Pelantikan GRA dan RA secara serentak adalah TIDAK DIBENARKAN.

Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- Syarat: Mod penyelidikan sepenuh masa sahaja.
- Siling Elaun: RM3,000.00 (PhD) / RM2,500.00 (Sarjana).

Nota Penting: Tiada pemotongan KWSP & PERKESO.

Pembantu Penyelidik (RA)

- Syarat: Warganegara Malaysia sahaja.
- Gaji: Mengikut kelayakan.

Nota Penting: Termasuk caruman KWSP & PERKESO.(jika berkenaan)

Vot 21000 - Perjalanan, Pengangkutan & Sara Hidup

Had Maksimum: 20%

Domestik

Perjalanan dan pengangkutan yang berkaitan dengan proses mendapatkan data projek.

Luar Negara

Perjalanan persidangan adalah dibenarkan.

✓ **Syarat Wajib:** Semua perjalanan mesti mempunyai kaitan langsung dengan hasil penyelidikan.

KOD PERBELANJAAN

VOT 24000

Logistik Operasi: Sewaan & Penyelenggaraan

Vot 24000 (Sewaan)

- Peralatan, pengangkutan, dan barangan yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.
- **Tidak termasuk:** Langganan perisian (Software subscriptions).
- Justifikasi dan sebut harga sewaan wajib disertakan.

Vot 28000 (Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil)

- **Skop:** Baik pulih kecil (bangunan/makmal) atau peralatan berkaitan penyelidikan.
- **Aset sedia ada:** Penyelenggaraan peralatan sedia ada (aset IPT berdaftar) dibenarkan hanya semasa tempoh projek berjalan.
- **Syarat:** Mesti dinyatakan dalam metodologi kajian.

VOT 28000

VOT 27000

Vot 27000 - Bekalan & Bahan Penyelidikan

Perbelanjaan bahan habis guna yang berkaitan secara langsung dengan projek.

Peraturan 'Terperinci'

1. Setiap cadangan pembelian mestilah **diperincikan** (itemized).
2. **Justifikasi** pembelian perlu dinyatakan dengan jelas.
3. **Pembelian pukal tanpa perincian** tidak akan diluluskan. ⚠

KOD PERBELANJAAN

VOT 29000

Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas & Penerbitan

Skop Perkhidmatan

- Yuran persidangan & Langganan perisian
- Percetakan & Hospitaliti
- Honorarium & Perkhidmatan profesional
- Enumerator & Pemprosesan data

Sokongan Penerbitan

Dibenarkan untuk: **Yuran penerbitan**, semakan pruf (*proofreading*), terjemahan, dan penyuntingan (*editing*).

Syarat : Sekiranya output penerbitan disasarkan.

Perkhidmatan Khas: Latihan & Sangkutan Penyelidikan

Peraturan Khusus untuk Kursus Jangka Pendek

5%	1	2 - 3 minggu bulan
Maksimum 5% daripada jumlah projek	Frekuensi: Sekali (1) sahaja	Tempoh: 2 minggu - 3 bulan

Dalam Negara

Fizikal dibenarkan (untuk teknik khusus).

Luar Negara

Hanya dibenarkan secara Dalam Talian (*Online*) sahaja.

VOT 35000 (max 30%)

Vot 35000 - Aksesori & Peralatan

Had Maksimum: 30%

(Item yang diluluskan)

Approved Purchases:

- Peralatan khas.
- Aksesori yang meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada.
- Perisian (*Software*) yang berkaitan dengan projek.

PERATURAN PEROLEHAN

Sebut harga mestilah rasmi.

DILARANG

Sebut harga daripada penjual dalam talian (*online marketplace*) adalah tidak dibenarkan.

Shopee Lazada

Pembelian yang tidak dibenarkan

ICT & Komunikasi

- Telefon bimbit
- komputer riba (*laptops*)
- mesin pencetak (*printers*)
- katrij dakwat.

Storan Data

- *External hard disk*
- pendrive
- langganan storan awan (*cloud storage*).

Pejabat

- Perabot (meja/kerusi)
- bahan rujukan umum.

Larangan Operasi

- Pembayaran bil utiliti, telekomunikasi, dan internet.
- Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di institusi sendiri.
- Caj pengurusan/ pentadbiran geran.

Larangan Profesional

- Yuran keahlian badan profesional/ikhtisas.
- Penganjuran persidangan atau simposium.
- Pameran atau pertandingan inovasi.

Larangan Personel

- Bayaran elaun/ saguhati kepada Ketua Projek, Ahli, atau Kolaborator (menggunakan Vot 29000).

Garis Masa Permohonan Geran GET

IPT

- Permohonan Geran GET: 01/03/2026
- Penilaian Dalaman: 01/03/2026 – 04/04/2026
- Penyelarasan RMC / JKPU: 05/04/2026 – 15/04/2026

JPT

- Pelantikan Panel Penilai JPT: 03/2026
- Latihan Panel Penilai JPT: 04/2026
- Penilaian JPT: 05/2026